

LITERASI KESIHATAN REMAJA MALAYSIA

SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI & AZIMI HAMZAH

ABSTRAK

Pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan pengaruh keakraban dengan rakan sebaya merupakan faktor penting yang dapat mempengaruhi kemahiran literasi kesihatan dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja di Malaysia. Berdasarkan perspektif teori ekologi, psikososial dan sosiologi, kajian ini adalah untuk menentukan tahap kesedaran dan amalan literasi kesihatan dalam kalangan remaja di Malaysia. Kajian juga adalah untuk menentukan pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan penjagaan kesihatan remaja. Subjek kajian adalah remaja di sekolah menengah yang berumur 15 – 17 tahun. Kajian telah menggunakan teknik persampelan rawak mudah dan saiz sampel berjumlah 506 orang. Borang soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menerima pakai instrumen kajian yang dibina oleh Sorensen et al. (2013) European Health Literacy Questionnaire (HLS-EU-Q) dan Osborne et al. (Health Literacy Questionnaires -HLQ). Data soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 22. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, positif dan sederhana antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa ($r=0.457$, $p<0.005$) dan keakraban dengan rakan sebaya ($r = 0.433$, $p<0.005$) dengan literasi kesihatan remaja. Artikel ini membincangkan implikasi dapatan kajian terhadap agensi yang berkaitan dalam merancang strategi untuk memperkasakan individu dan komuniti supaya bertanggungjawab terhadap kesihatan sendiri melalui literasi kesihatan.

Kata Kunci: Literasi Kesihatan, Remaja, Keakraban Ibu Bapa, Keakraban Rakan Sebaya

ABSTRACT

The attachment with parents and the attachment with peers is an important factor that can affect the health literacy skills among the society especially young people in Malaysia. Based on the perspective of ecological, psychosocial and sociological theories, this study is to determine the level of awareness and health literacy practices among adolescents in Malaysia. The study is also to determine the attachment with parents and the attachment with peers which contribute to an individual's development and adolescent health care. The subjects of the study are adolescents in secondary schools aged 15 to 17 years old. This study uses the simple random sampling technique and a sample size of 506 adolescents. Questionnaires were used in this study. This study adopts a research instrument developed by Sorensen et al. (2013) European Health Literacy Questionnaire (HLS-EU-Q) and Osborne et al. (Health Literacy questionnaires -HLQ). The data were analyzed using SPSS version 22. The results showed that there is a significant, positive and

modest relationships between attachment with parents ($r = 0.457$, $p < 0.005$) and attachment with peers ($r = 0.433$, $p < 0.005$) with adolescent health literacy. This article discusses the implications of the findings on relevant agencies in planning the strategies to empower individuals and communities to be responsible for their own health through health literacy.

Keywords: Health Literacy, Adolescent, Parents Attachment, Peer Attachment

PENGENALAN

Di Malaysia, kajian literasi kesihatan dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja masih kurang dilaporkan. Walaupun kajian literasi kesihatan ada dijalankan di Malaysia, namun kajian tersebut hanya tertumpu kepada orang dewasa dan golongan tua serta remaja dengan penyakit tertentu seperti mental, obesiti dan penyakit kronik yang lain. Kekurangan mendapatkan rawatan ekoran peningkatan umur dan juga tahap kesihatan yang mula menurun daripada golongan ini menyebabkan para penyelidik berpendapat bahawa golongan muda tidak banyak berhadapan dengan masalah kesihatan (Dewalt, Berkman, Sheridan, Lohr, & Pignone, 2004; & Newachek, Wong, Galbraith, & Hung, 2003). Laporan kajian literasi kesihatan sedunia (Kumaresan, 2013) telah menyeru supaya remaja diberi keutamaan dalam mendidik dan mempromosikan literasi kesihatan. Antara sebab utama adalah kerana mengambil kira peranan dan tanggungjawab golongan ini pada masa akan datang kerana golongan inilah yang akan memelopori dan meneruskan arah serta sistem penjagaan kesihatan pada masa akan datang. Kementerian Kesihatan Malaysia (2010) juga telah menggariskan pelan strategik untuk memberi kesedaran literasi kesihatan kepada golongan remaja bagi membuat persediaan terutamanya dalam hal perbelanjaan negara. Kajian menunjukkan semakin tinggi tahap literasi kesihatan bagi seseorang individu, semakin tinggi amalan kesihatan mereka (Manganello, 2008; Chang, 2011) dan semakin cekap mereka bertindak bila berhadapan dengan masalah kesihatan (Massey, Prelip, Calimlim, Quiter, & Glik, 2012).

Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang dimiliki turut mempengaruhi kesedaran golongan remaja terhadap perkembangan persekitaran mereka (Aminrad, Zakaria, Hadi & Sakari, 2013). Pemahaman mengenai literasi kesihatan masih kabur dalam kalangan remaja memandangkan kurangnya laporan kajian terhadap golongan ini di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Intan Nurhaila et al. (2011) mendapati tahap pengetahuan mengenai kesihatan mental dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah rendah. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang lebih spesifik mengenai tahap literasi kesihatan dalam kalangan remaja yang lebih tertumpu kepada penyakit yang tertentu ada dilaporkan seperti kajian: *Mental health literacy: A cross-cultural study from Britain, Hong Kong and Malaysia*.(Loo, Wong, & Furnham, 2012); *The case for emotional literacy: the influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students*(Liau, Liau, Teoh, & Liau,

2003); dan *Mental health literacy towards depression among non-medical students at a Malaysian University* (Khan, Sulaiman & Hassali, 2010). Oleh yang demikian, kajian literasi kesihatan perlu dilaksanakan bagi merapatkan jurang pengetahuan dalam hal yang berkait dengan kesihatan golongan remaja.

Walau bagaimanapun, kajian literasi kesihatan terhadap golongan remaja perlu mengambil kira beberapa faktor termasuklah tahap umur mereka yang masih belajar di sekolah menengah dalam kalangan umur antara 15 hingga 17 tahun. Umumnya, golongan ini adalah generasi Y atau millennial yang mempunyai kriteria yang berbeza: berfikiran lebih terbuka; bertolak ansur; minta dihargai; mengatur kehidupan yang lebih berstruktur; sukakan kepelbagaian; suka teknologi; internet; multi tasking; lebih individualistik; dan mempunyai gaya hidup tersendiri (Howe & Strauss, 2009). Oleh itu, pendekatan dan kaedah mempromosikan literasi kesihatan amat berbeza berbanding orang dewasa terutamanya kemahiran dan trend dengan golongan remaja. Seterusnya, kajian menunjukkan model ekologi manusia oleh Bronfenbrenner (2006) mampu menjelaskan perkaitan pengaruh perubahan sosial terhadap pendidikan termasuklah pendidikan dan literasi kesihatan dalam kalangan remaja selain mempengaruhi kemahiran mereka dalam pelbagai aspek yang lain (Governali, Hodges, & Videto, 2005).

Bertepatan dengan keperluan negara untuk menjadi sebuah negara maju, populasi golongan remaja yang berjumlah melebihi 13.73 juta orang atau 49 peratus daripada jumlah penduduk negara (*Department of Statistics Malaysia, 2013*) menuntut rakyat yang sihat bagi memastikan sumber tenaga yang mencukupi. Menurut perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), jumlah remaja yang sedang belajar di IPT Malaysia melebihi 1.2 juta orang di IPTA dan IPTS, manakala remaja di sekolah menengah yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun berjumlah hampir satu juta orang. Kajian mengenai literasi kesihatan dalam kalangan remaja terutamanya remaja yang masih belajar perlu dilaksanakan. Penyelidik akan menganalisis bagaimana pengaruh hubungan antara pemboleh ubah keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya mempengaruhi tahap literasi kesihatan remaja di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap kesedaran dan amalan literasi kesihatan dalam kalangan remaja sekolah di Malaysia. Kajian ini juga menentukan pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya yang menyumbang kepada pembangunan literasi kesihatan remaja.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menentukan tahap literasi kesihatan, hubungan keakraban dengan ibu bapa dan hubungan keakraban dengan rakan sebaya dalam kalangan remaja.
2. Menentukan hubungan antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap tahap literasi kesihatan remaja.

3. Menentukan tahap perbezaan faktor peramal antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap literasi kesihatan dalam kalangan remaja.

HIPOTESIS

1. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap literasi kesihatan remaja.
2. Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor peramal pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap literasi kesihatan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini menggunakan tiga perspektif teori berkaitan pengaruh kepada tingkah laku remaja iaitu: a) teori ekologi manusia (Bronfenbrenner, 2006); b) teori psikososial (Erikson, 1968) teori hubungan keakraban (Bowlby, 1982; Ainsworth, 1989).

Teori Ekologi

Mikrosistem ialah persekitaran yang terdekat dengan remaja serta mempunyai hubungan yang paling rapat, berinteraksi secara langsung dan mempunyai masa yang paling panjang. Antara agen dalam sistem ini termasuklah ibu bapa, adik beradik, rakan sebaya, jiran dan guru sekolah. Hubungan peringkat mikro tersebut termasuklah sekolah – rumah, jiran – rumah dan sekolah – jiran. Mesosistem ialah hubungan yang berlaku antara sistem mikro tetapi memberi kesan kepada remaja. Mesosistem ialah sistem yang lebih luas yang melibatkan religiositi, adat istiadat, budaya, nilai, norma dan amalan masyarakat di sekeliling remaja. Ekosistem ialah hubungan sistem di luar rumah tetapi mempengaruhi kehidupan remaja secara umumnya. Sebagai contoh, setiap keputusan yang diambil seperti peraturan, kemudahan dan pentadbiran oleh jawatankuasa penduduk sesebuah kawasan kediaman akan memberikan kesan kepada pertumbuhan dan perkembangan dalam kehidupan remaja.

Kajian menunjukkan peranan keempat-empat peringkat yang dicadangkan oleh Bronfenbrenner (2006) iaitu mikrosistem, makrosistem, ekosistem, dan mesosistem. Hubungan yang amat rapat menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku remaja ialah hubungan peringkat mikro, iaitu hubungan dengan ibu bapa dan keluarga (Siti Raba'ah, *et al.*, 2013). Oleh yang demikian, ibu bapa dan institusi keluarga amat penting kerana mempunyai implikasi yang unik dan berkesan dalam membentuk sifat, nilai dan tingkah laku remaja (Barnes, Katz, Korbin, & O'Brien, 2006). Teori ini juga menerangkan bahawa individu juga terikat dengan konteks sistem luar keluarga seperti rakan sebaya, kejjiranan, sekolah, tempat kerja, religiositi, peraturan dan undang-undang, budaya dan adat resam masyarakat pada peringkat makro. Kesemua sistem ini mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam

membentuk tingkah laku, namun hubungan dengan ibu bapa dan rakan sebaya dipercayai mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan dan perkembangan tingkah laku remaja (Milot & Ludden, 2009).

Teori Psikososial

Teori Psikososial Erikson (1968), menjadi rujukan penting mengenai perkembangan remaja dalam menentukan tingkah laku mereka (Kroger, 2007; Schwartz, 2001). Teori perkembangan remaja oleh Erikson sangat berpengaruh kerana Erikson mengetengahkan konsep identiti melalui empat peringkat penting, iaitu perubahan dalam perkembangan, pengaruh keluarga terhadap identiti, aspek budaya dan etnik dalam identiti, aspek gender kepada identiti dan identiti dengan keakraban. Tahap perkembangan remaja bermula pada tahap pembentukan identiti. Erikson membahagikan remaja yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 24 tahun akan melalui proses membina identiti dan sentiasa berhadapan dengan fasa kekeliruan. Beberapa faktor akan mengalami perubahan seperti kematangan dalam bentuk kemahiran kognitif dan perubahan bentuk fizikal tubuh badan. Keyakinan diri dengan kuasa autonomi turut diperolehi melalui interaksi dengan rakan sebaya, jiran dan masyarakat yang pada akhirnya akan membentuk hubungan serta memantapkan ideologi dan identiti sendiri.

Banyak kajian di Malaysia dan di barat mendapati hubungan keakraban dengan ibu bapa dikaitkan dengan kesejahteraan dalam kehidupan remaja terutamanya dalam aspek kepuasan hidup dan tingkah laku yang positif (Ma & Huebner, 2008; Zarinah, Rozumah, Rumaya & Rojanah, 2002), pencapaian akademik yang cemerlang, memperbaiki konsep sendiri, motivasi serta kecerdasan emosi (Abdorrezza & Rozumah, 2010). Hubungan keakraban dengan ibu bapa adalah penting dalam mengawal tingkah laku remaja (Mohd Sharani, Zainal & Mohamad Ibrani, 2003). Ibu bapa dan keluarga bertanggungjawab menyediakan keperluan asas, melindungi dan membimbing serta menyokong perkembangan fizikal dan fisiologi anak-anak dalam proses membentuk tingkah laku mereka. Menurut Bowlby (1982), hubungan keakraban adalah ikatan kasih sayang yang kuat yang mengikat anak dengan ibu bapa sehingga menghasilkan suatu nilai kepercayaan anak kepada ibu bapa serta membantu proses pembentukan tingkah laku yang tertentu.

Teori Hubungan Keakraban

Teori hubungan keakraban dengan ibu bapa mula diperkenalkan oleh Bowlby (1982) dan Ainsworth (1989). Menurut Bowlby, keakraban dengan ibu bapa merupakan penyebab utama kepada pembentukan tingkah laku kanak-kanak dan remaja. Teori etnologi Bowlby menerangkan bahawa keakraban adalah tingkah laku yang ada dalam diri setiap individu yang bersifat biologi. Ia terbentuk secara semulajadi berdasarkan tingkah laku evolusi dan naluri manusia. Banyak kajian lepas membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara ibu bapa dengan tingkah laku remaja. Kajian oleh Wyn, Lantz dan Harris (2012) menunjukkan wujudnya hubungan antara ibu bapa dengan remaja untuk membantu dalam memenuhi keperluan sosiologi seperti kebendaan, hubungan sosial, emosi, ekonomi

dan kesihatan. Kerangka model dan teori keakraban oleh Bowlby (1982) dapat menerangkan secara keseluruhan sumbangan faktor ini yang menunjukkan bahawa penglibatan secara langsung bagaimana ibu bapa dapat mempengaruhi tingkah laku remaja untuk berhadapan dengan faktor persekitaran yang disarankan oleh Bronfenbrenner dalam teori dan model ekologi manusia.

Perkembangan dan pembentukan tingkah laku remaja turut dipengaruhi oleh hubungan keakraban dengan rakan sebaya. Rakan sebaya dianggap sebagai pengganti keluarga serta merupakan satu mekanisme peralihan hidup dari zaman kanak-kanak ke alam remaja dan dewasa. Selain itu, rakan sebaya juga adalah sebagai pemberi sokongan sosial dan akademik, tempat untuk berkongsi pengalaman yang sama, agen sosialisasi, platform untuk memperkembangkan konsep perhubungan sosial serta membantu pembentukan personaliti dan konsep sendiri. Kajian menunjukkan hubungan baik dalam kalangan rakan sebaya telah meningkatkan ciri-ciri psikologikal seperti kesejahteraan dan kegembiraan dalam hidup (Durlak, Weissberg & Pachan, 2010; Piaget, 1965). Rakan sebaya juga menjadi agen sosialisasi untuk perkembangan dan pembentukan tingkah laku dalam gaya hidup terkini. Kajian mendapati hobi, minat, kegembiraan, kesejahteraan hidup, tahap kesihatan yang baik serta pilihan untuk memiliki sesuatu benda pada golongan remaja, perlu mempunyai persamaan ataupun persetujuan rakan sebaya (Chaplin & John, 2010). Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik telah membentuk hipotesis untuk menguji bahawa terdapatnya hubungan antara keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap tahap literasi kesihatan remaja di Malaysia.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara kuantitatif dan data kajian dikutip dengan menggunakan borang soal selidik. Populasi bagi kajian ini tertumpu kepada remaja yang sedang belajar di sekolah menengah di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya. Lokasi kajian adalah di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya dipilih memandangkan kawasan ini adalah kawasan yang mempunyai populasi penduduk yang padat dan mengalami pembangunan yang pesat dari segi infrastruktur dan pemodenan serta perubahan sosio budaya (Dribe, Van Bavel & Campbell, 2012; Lee & Hwang, 2011; Gale & Fahey, 2005).

Penyelidik mendapatkan senarai penuh sekolah menengah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui portal. Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah dengan menentukan jumlah sebenar sekolah menengah yang ada di Lembah Klang dan Putrajaya.

Kaedah soal selidik digunakan sebagai kaedah utama mengumpulkan data daripada responden kajian. Bentuk skala dan alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini ialah nominal, ordinal, interval dan ratio. Data nominal dan ordinal digunakan dalam Bahagian A iaitu faktor demografi seperti jantina, etnik, agama,

tempat tinggal, penginapan, bilangan adik beradik, umur, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa. Skala interval dan ratio digunakan dalam bahagian B, C, D, dan E untuk mengukur tahap literasi kesihatan dan keakraban dengan ibu bapa dan rakan sebaya. Penyelidik menggunakan skala interval oleh Likert (1932). Setiap item diberikan skala 1, 2, 3, 4 dan 5 untuk menentukan respons seperti tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kadang, pernah dan selalu.

Penyelidik menerima pakai instrumen kajian yang dibangunkan oleh Sorensen et al. (2013) *European Health Literacy Questionnaire* (HLS-EU-Q) dengan 47 item yang mengukur tiga dimensi iaitu promosi kesihatan, penjagaan kesihatan dan sistem jaringan. Penyelidik turut menggunakan instrumen kajian oleh Osborne et al. (*Health Literacy Questionnaires -HLQ*) dengan 44 item yang mengukur maklumat kesihatan, pengurusan kesihatan dan sokongan sosial kesihatan. Penyelidik juga turut menggunakan instrumen kajian keakraban dengan ibu bapa sebanyak 13 item dan instrumen kajian keakraban dengan rakan sebaya sebanyak 12 item oleh Armsden dan Greenberg (1989).

Kajian rintis telah dijalankan di sebuah sekolah menengah. Kajian sebenar dijalankan di 10 buah sekolah menengah di Lembah Klang dan Putrajaya dengan jumlah responden sebanyak 506 orang. Kesemua 506 orang responden dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Persampelan rawak mudah membolehkan pengkaji memilih responden secara bebas kerana jumlah populasi yang besar dan mustahil bagi mereka untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Persampelan rawak mudah membenarkan kesemua remaja mempunyai kebarangkalian untuk terpilih sebagai responden. Oleh yang demikian, sifat mewakili yang ada pada setiap responden adalah seimbang bagi mewakili sekolah di Lembah Klang dan Putrajaya.

HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan profil demografi golongan remaja iaitu umur, jantina, etnik, kediaman dan purata gaji ibu bapa. Terdapat 385 responden yang berumur 16 (76.1%), diikuti oleh 102 responden umur 17 (20.2%) dan 19 responden (3.8%) berumur 15. Seterusnya, bagi peratusan jantina responden, seramai 285 responden perempuan (56.3%), manakala 221 responden lelaki (43.7%) telah menjawab soalan. Manakala peratusan etnik remaja dalam kajian ini, majoriti responden berbangsa Melayu iaitu sebanyak (68.2%), diikuti bangsa Cina (13%), bangsa India (18.2%) dan bangsa-bangsa lain (0.6%). Bagi kediaman responden pula, seramai 251 responden datang dari bandar (49.6%) dan hampir separuh 245 daripada responden datang daripada pinggir bandar (48.4%). Akhir sekali, bagi purata gaji bulanan ibu bapa, kebanyakan ibu bapa responden (39.3%) mempunyai purata gaji di bawah RM 3000, diikuti oleh ibu bapa (30.2%) dengan gaji sebanyak RM 3001 - RM 5000, ibu bapa (9.9%) yang mempunyai gaji RM 5001 - RM7000 dan gaji ibu bapa (20.3%) yang melebihi daripada RM 7000.

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Demografi	Frekuensi	Peratus (%)
Umur		
15	19	3.8
16	385	76.1
17	102	20.2
Jantina		
Lelaki	221	43.7
Perempuan	285	56.3
Etnik		
Melayu	345	68.2
Cina	66	13
India	92	18.2
Lain-lain	3	0.6
Kawasan Tempat Tinggal		
Bandar	251	49.6
Pinggir Bandar	245	48.4
Purata Gaji Bulanan Ibu Bapa		
Kurang <RM 3000	199	39.3
RM 3001 – RM 5000	153	30.2
RM 5001 – RM 7000	50	9.9
Lebih dari >RM 9000	103	20.3

Bagi menjawab objektif yang pertama dalam kajian ini, menentukan tahap literasi kesihatan, hubungan keakraban dengan ibu bapa dan hubungan keakraban dengan rakan sebaya dalam kalangan remaja di Malaysia, Jadual 2 menunjukkan lebih separuh responden berada pada tahap literasi kesihatan yang sederhana (53.6%), tinggi (42.1%) dan pada tahap rendah (1.6%). Purata min keseluruhan adalah 3.56 dengan sisihan piawai 0.54. Data kajian juga menunjukkan responden berada pada tahap keakraban dengan ibu bapa yang tinggi (35.4%), manakala responden pada tahap sederhana (61.5%) dan responden berada pada tahap yang rendah (3.2%). Purata min keseluruhan adalah 3.49 dengan sisihan piawai 0.58. Tahap bagi keakraban dengan rakan sebaya dalam kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden berada pada tahap tinggi (58.7%), tahap sederhana (35.8%) dan tahap rendah (5.5%). Purata min keseluruhan ialah 3.73 dengan sisihan piawai sebanyak 0.83.

Jadual 2: Tahap Literasi Kesihatan, Pengaruh Keakraban dengan Ibu Bapa dan Keakraban dengan Rakan Sebaya dalam Kalangan Remaja di Malaysia

Pemboleh ubah	Frekuensi	Peratus (%)	Purata	Sisihan Piawai
Pengaruh Keakraban Ibu Bapa			3.49	0.58
Rendah (1.00 – 2.33)	16	3.2		
Sederhana (2.34 -3.66)	311	61.5		
Tinggi (3.67 – 5.00)	179	35.4		
Pengaruh Keakraban Rakan Sebaya			3.73	0.83
Rendah (1.00 – 2.33)	28	5.5		
Sederhana (2.34 -3.66)	181	35.8		
Tinggi (3.67 – 5.00)	297	58.7		
Literasi Kesihatan			3.56	0.54
Rendah (1.00 – 2.33)	8	1.6		
Sederhana (2.34 -3.66)	285	56.3		
Tinggi (3.67 – 5.00)	213	42.1		

Objektif kedua dalam kajian ini adalah menentukan hubungan antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap tahap literasi kesihatan remaja. Analisis korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis hubungan antara keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap tahap literasi kesihatan. Jadual 3 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, positif dan sederhana antara pengaruh keakraban ibu bapa ($r = 0.457$, $p < 0.005$) dan keakraban dengan rakan sebaya ($r = 0.433$, $p < 0.005$) dengan literasi kesihatan. Dapatan kajian juga menerima hipotesis yang telah dibentuk dalam kajian ini, bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap literasi kesihatan remaja dalam kajian ini.

Jadual 3: Nilai Min, Sisihan Piawai dan Hubungan antara Keakraban Ibu Bapa dan Rakan Sebaya terhadap Literasi Kesihatan

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Literasi kesihatan	Keakraban ibu bapa	Keakraban rakan sebaya
Literasi kesihatan	3.55	0.54	1.00		
Keakraban ibu bapa	3.49	0.83	0.457*	1.00	
Keakraban rakan sebaya	3.73	0.58	0.433*	.376	1.00

* $p < 0.005$

Objektif kajian yang seterusnya adalah menentukan tahap perbezaan antara faktor peramal pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap literasi kesihatan remaja. Jadual 4 menunjukkan nilai koefisien pekali beta bagi keakraban dengan ibu bapa ($\beta = 0.305$) adalah lebih kecil berbanding nilai bagi keakraban dengan rakan sebaya ($\beta = 0.342$). Oleh yang demikian, pemboleh ubah keakraban dengan rakan sebaya membuat sumbangan unik yang lebih kukuh dalam menerangkan tahap literasi kesihatan dalam kalangan remaja. Peningkatan satu sisihan piawai dalam keakraban dengan rakan sebaya akan menyebabkan peningkatan 0.342 terhadap tahap literasi kesihatan. Hasil kajian juga menunjukkan nilai $R=0.537$, dan nilai R berganda = 0.290. Pengaruh keakraban ibu bapa dan keakraban rakan sebaya menyumbang sebanyak 29% kepada tahap literasi kesihatan dalam kajian ini. Dapatan kajian ini telah menyokong hipotesis kajian bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pengaruh keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya terhadap literasi kesihatan remaja.

Jadual 4: Pemboleh Ubah Penyumbang terhadap Literasi Kesihatan dalam Kalangan Remaja

Pemboleh ubah	Beta tanpa piawai	Ralat tanpa piawai	Beta terpiawai.	Statistik t	Sig.
Pemalar	1.699	0.134		12.719	0.000
Keakraban ibu bapa	0.199	0.026	0.305	8.429	0.000
Keakraban rakan sebaya	0.320	0.038	0.342	7.505	0.000

$R=0.537$, $R^2=0.288$, $F=101.902$, $p=0.000$

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan tahap literasi kesihatan remaja adalah sederhana dan tinggi. Dapatan kajian menyokong usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu dengan memperkenalkan pendidikan jasmani dan kesihatan di sekolah-sekolah. Hasil kajian juga menunjukkan remaja turut terpengaruh dengan aktiviti serta program promosi kesihatan yang dijalankan di sekolah-sekolah di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya. Program Doktor Muda yang diperkenalkan di sekolah adalah program latihan mengenai asas kesihatan bagi menyediakan mereka sebagai pendidik kepada rakan sebaya. Mereka bertindak sebagai *role model*, *promoter* dan *motivator* kesihatan kepada rakan-rakan di sekolah. Selain itu, program penjagaan kesihatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu program perkhidmatan kesihatan dengan tiga komponen utama iaitu: 1) Perkhidmatan kesihatan sekolah; 2) Perkhidmatan pergigian sekolah; dan 3) Perkhidmatan alam sekitar sekolah; telah memberikan sumbangan kepada literasi kesihatan remaja.

Ledakan informasi teknologi serta internet telah membantu sistem jaringan kesihatan secara talian yang lebih mantap untuk kegunaan remaja. Hasil kajian didapati menyokong kajian oleh Hussein, Harun, dan Oon (2016), tentang kemudahan maklumat secara bergerak sebagai contoh dalam talian seperti *M-health* iaitu teknologi kesihatan dalam talian telah menambah keupayaan remaja memperoleh maklumat tentang kesihatan. Dapatan kajian juga selari dengan kajian oleh Aminrad, Zakaria, Hadi & Sakari (2013) bahawa tahap pengetahuan yang dimiliki turut mempengaruhi kesedaran remaja terhadap perkembangan persekitaran mereka.

Hasil kajian mendapati tahap keakraban dengan ibu bapa dan tahap keakraban dengan rakan sebaya mempengaruhi tahap literasi kesihatan remaja. Dapatan kajian menyokong teori ekologi manusia (Bronfenbrenner, 1989) bahawa persekitaran yang terdekat dengan remaja akan mempunyai hubungan yang paling rapat serta berinteraksi secara langsung boleh mempengaruhi tingkah laku remaja. Dapatan kajian juga adalah selari dengan kajian oleh Siti Raba'ah (2013), di mana hubungan yang amat rapat menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku remaja. Hasil kajian turut menyokong kajian Wyn, Lantz dan Harris (2012) di mana keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya dapat membantu melengkapkan keperluan sosiologi remaja termasuklah keperluan kesihatan.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini relevan dengan dasar kerajaan dalam bidang keberhasilan utama (KRA) Rancangan Malaysia Kesepuluh berkaitan dengan penjagaan kesihatan berkualiti dan gaya hidup yang sihat untuk masyarakat di Malaysia. Melalui strategi keempat iaitu memperkasakan masyarakat untuk menjalankan program kesejahteraan individu serta bertanggungjawab ke atas kesihatan diri, kajian ini berpotensi untuk membantu masyarakat untuk mengetahui tahap sebenar literasi kesihatan terutamanya bagi golongan belia yang mempunyai populasi tertinggi 51.2% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Selain itu, kajian ini juga relevan dan penting bagi memastikan pencapaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 melalui anjakan ke 9 iaitu; dengan bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Kajian ini menunjukkan proses pembelajaran yang berlaku di luar sekolah termasuk di rumah dan dalam masyarakat amat dipengaruhi oleh ibu bapa (Smith, Wohlstetter, Kuzin, & De Pedro, 2011). Di Malaysia, kira-kira satu per empat daripada masa murid yang berumur antara tujuh hingga 17 tahun dihabiskan di sekolah. Oleh yang demikian, keutamaan kini adalah melakukan anjakan daripada “pembelajaran sekolah” kepada “sistem pembelajaran” melalui keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan dalam membantu proses pertumbuhan individu dalam persekitaran yang lebih mencabar.

Seterusnya, kajian ini berupaya menambah pengetahuan yang baru serta menjadi bahan rujukan kepada individu dan organisasi kerana kajian ini yang pertama menguji faktor psikososial, iaitu keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya sebagai faktor yang mempengaruhi dalam menentukan tahap literasi kesihatan dalam kalangan remaja di Malaysia. Sumbangan kajian ini adalah dengan menunjukkan bagaimana faktor psikososial yang mungkin berfungsi sebagai teras utama terhadap tahap literasi kesihatan dalam kalangan remaja di Malaysia.

Secara praktis, kajian ini mencadangkan kepada semua agensi serta badan yang berkaitan dengan pembangunan remaja supaya faktor keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan sebaya mesti diutamakan dalam semua program pembangunan untuk remaja. Hubungan keakraban dengan rakan sebaya juga memberikan impak yang penting dalam mempengaruhi pembentukan dan perkembangan remaja. Hubungan keakraban dengan rakan sebaya yang memberikan pengaruh yang positif perlu disokong dan diberikan perhatian dalam semua keadaan; namun hubungan keakraban yang memberikan pengaruh yang negatif perlu dihentikan.

RUJUKAN

- Abdorrezza Kordi & Rozumah Baharudin. (2010). Parenting attitude and style and its effect on children's school achievements. *International Journal of Psychological Studies*, 2(2), 217-222.
- Aminrad, Z., S. Z. S. Zakaria, S. Hadi & Sakari, M. (2013). Relationship between awareness, knowledge and attitudes towards environmental education among secondary school students in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 22 (9), 1326-1333
- Ainsworth, M. S. (1989). *Attachments beyond infancy*. American Psychologist, 44(4), 709-716. doi:10.1037/0003-066X.44.4.709
- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationships to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16, 427-454. doi:10.1007/BF02202939
- Barnes, J., Katz, I., Korbin, J. E., & O'Brien, M. (2006). *Children and families in communities: Theory, research, policy and practice*. West Sussex, UK: John Wiley & Sons.
- Bowlby, J. (1982). *Attachment and loss*. Vol. 1: Attachment (2nd Ed.). New York: Basic Books.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2006). *The bioecological model of human development*. Handbook of child psychology. doi: 10.1002/9780470147658.chpsy0114

- Chang, L. C. (2011). Health literacy, self-reported status and health promoting behaviours for adolescents in Taiwan. *Journal of clinical nursing*, 20(1-2), 190-196.
- Chaplin, L. N. & John, D. R. (2010). Interpersonal influences on adolescent materialism: A new look at the role of parents and peers. *Journal of Consumer Psychology*, 20(2), 176–184.
- DeWalt, D. A., Berkman, N. D., Sheridan, S., Lohr, K. N., & Pignone, M. P. (2004). Literacy and health outcomes. *Journal of General Internal Medicine*, 19(12), 1228-1239.
- Dribe, M., Bavel, V. J., & Campbell, C. (2012). *Social mobility and demographic behavior: Long term perspectives*. Demographic Research, 26(8), 174-190. <http://www.demographic-research.org>.
- Durlak, J. A., Weissberg, R. P., & Pachan, M. (2010). A meta-analysis of after-school programs that seek to promote personal and social skills in children and adolescents. *American Journal of Community Psychology*, 45(3-4) 294-309.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York: Norton.
- Gale, F. & Fahey, S. (2005). *Youth in transition: The challenges of generational change in Asia (Edited)*. Regional Unit for Social and Human Sciences in Asia and the Pacific, UNESCO, Bangkok.
- Governali, J.F., Hodges, B.C., & Videto, D.M. (2005). Health education and behavior: Are school health educators in denial? *American Journal of Health Education*, 36(4), 210-214.
- Howe, N., & Strauss, W. (2009). *Millennials rising: The next great generation*. New York: Vintage Books.
- Hussein, Z., Harun, A., & Oon, S. W. (2016). The Influence of The Smartphone User's Characteristics on The Intention to Use of M-Health. *IJASOS-International E-journal of Advances in Social Sciences*, 2(5), 598-602.
- Intan Nurhaila Meor Safari, Norlija Kassim, Nur Falihin Iskandar, Mohamad Haazik Mohamed & Mohd Yusof Hj. Abdullah. (2011). Tahap Pengetahuan Mengenai Kesihatan Mental dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA): Kajian Kes di UKM, Bangi. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 37 - 44 @2011 ISSN 0128-273.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Populasi dan Demografi*. Muat turun pada 15 April 2017 daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2010). *Petunjuk Kesihatan 2010*, Pusat Informatik Kesihatan, ISSN 1511-4589. www.moh.gov.my/images/gallery/publications/md/hi/hi_2012.pdf

- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2014). *Perangkaan Pendidikan Negara*, ISBN 978-983-9522-31-0. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khan, T. M., Sulaiman, S. A., & Hassali, M. A. (2010). Mental health literacy towards depression among non-medical students at a Malaysian university. *Mental Health In Family Medicine*, 7(1), 27-35.
- Kroger, J. (2007). *Identity development: Adolescence through adulthood*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Kumaresan, J. Health literacy perspectives. (2013). *Health Literacy: Improving Health, Health Systems, and Health Policy Around the World: Workshop Summary*, 9-10. (The National Academies Press: http://www.nap.edu/catalog.php?record_id=18325).
- Lee, J., H. & Johye Hwang, J. (2011). Luxury marketing: The influences of psychological and demographic. *International Journal of Hospitality Management*, 30(3), 658-669.
- Liau, A. K., Liau, A. W., Teoh, G. B., & Liau, M. T. (2003). The case for emotional literacy: the influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51-66.
- Likert, R. (1932). *A technique for the measurement of attitudes*. Archives of Psychology 140, 1-55.
- Loo, P.-W., Wong, S. and Furnham, A. (2012). *Mental health literacy: A cross-cultural study from Britain, Hong Kong and Malaysia*. Asia-Pacific Psychiatry, 4, 113–125 doi: 10.1111/j.1758-5872.2012.00198.x
- Ma, C. Q. & Huebner, E. S. (2008). Attachment relationships and adolescents' life satisfaction: Some relationships matter more to girls than boys. *Psychology in the Schools*, 45(2), 177-190. doi: 10.1002/pits.20288
- Massey, P. M., Prelip, M., Calimlim, B. M., Quiter, E. S., & Glik, D. C. (2012). Contextualizing an expanded definition of health literacy among adolescents in the health care setting. *Health Education Research*, 27(6), 961-974.
- Manganello, J. A. (2008). Health literacy and adolescents: A framework and agenda for future research. *Health Education Research*, 23(5), 840-847.
- Milot, A. S., & Ludden, A. B. (2009). The effects of religion and gender on well-being, substance use, and academic engagement among rural adolescents. *Youth and Society*, 40, 403-425. doi:10.1177/0044118X 08316668
- Mohd Sharani Ahmad, Zainal Madon & Mohamad Ibrani Shahrimin Adam Assim. (2003). *Psikologi Pembangunan Manusia*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Osborne, R. H, Batterham, R. W, Elsworth, G. R, Hawkins, M, Buchbinder, R. (2013). The grounded psychometric development and initial validation of the Health Literacy Questionnaire (HLQ). *BMC Public Health*, 13, 658. doi: 10.1186/1471-2458-13-658.

- Newacheck, P. W., Wong, S. T., Galbraith, A. A., & Hung, Y. (2003). Adolescent health care expenditures: A descriptive profile. *Journal of Adolescent Health, 32*(6), 3–11.
- Piaget, J. (1965). *The moral judgment of the child*. Translated by T. A. Brown and C. E. Kaegi. Palo Alto, CA: Annual Reviews.
- Schwartz, S. J. (2001). The evolution of Eriksonian and neo-Eriksonian identity theory and research: A review and integration. *Identity. An International Journal of Theory and Research, 1*, 7-58.
- Sørensen, K., Van den Broucke, S., Pelikan, J. M., Fullam, J., Doyle, G., Slonska, Z., & Brand, H. (2013). *Measuring health literacy in populations: illuminating the design and development process of the European Health Literacy Survey Questionnaire (HLS-EU-Q)*. *BMC Public Health, 13*(1), 948.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam. (2013). Pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku hedonistik remaja IPT di Malaysia. *Jurnal Teknologi, UTM, 63*(1), 17–23, eISSN 2180–3722/ ISSN 0127–9696.
- Smith, J., Wohlstetter, P., Kuzin, C. A., & De Pedro, K. (2011). Parent Involvement in Urban Charter Schools: New Strategies for Increasing Participation. *School Community Journal, 21*(1), 71-94.
- Wyn, J., Lantz, S. & Harris, A. (2012). Beyond the 'transitions' metaphor: Family relations and young people in late modernity. *Journal of Sociology, 48* (1), 3-22. doi:10.1177/1440783311408971
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar. (2002). Tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 10*(2), 165-178.

Profil Penulis:***Siti Raba'ah Hamzah, Ph.D****Pensyarah Kanan**Fakulti Pengajian Pendidikan**Universiti Putra Malaysia**43400, UPM, Serdang**sitirabaahhamzah@gmail.com****Turiman Suandi, Ph.D****Fakulti Pengajian Pendidikan**Universiti Putra Malaysia**43400, UPM, Serdang**turiman55@gmail.com****Azimi Hamzah, Ph.D****Fakulti Pengajian Pendidikan**Universiti Putra Malaysia**43400, UPM, Serdang**azimi@putra.upm.edu.my*